



Lak SEONG (dua dari kiri) melihat dokumen perjanjian selepas memeterai HOA bersama wakil Pekat di Kuala Lumpur semalam.

KUALA LUMPUR – KIP Real Estate Investment Trust (KIP REIT) bakal memasang sistem solar fotovoltaik (PV) dengan kapasiti penjanaan tenaga sebanyak 2,730 kilowatt di enam aset hartanah miliknya.

Pengarah Urusan KIP REIT Management Sdn. Bhd. (KIP REIT Management), Datuk Chew Lak Seong berkata, inisiatif hijau yang dilaksanakan dalam tempoh 25 tahun itu dibangunkan dengan kerjasama Pekat Solar Sdn. Bhd. (Pekat).

“Enam aset tersebut terdiri daripada KIP Mart di Tampoi, Kota Tinggi dan Masai, Johor; KIP Mart Senawang, Negeri Sembilan dan KIP Mart Melaka serta sebuah KIP Mall di Bangi, Selangor.

“Dengan melibatkan kos keseluruhan bernilai RM9.56 juta, inisiatif ini akan dimiliki dan diuruskan secara usaha sama antara kami dengan Pekat pada asas perkongsian 80:20,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar sempena majlis menandatangani Perjanjian Induk (HOA) antara KIP REIT dan Pekat di sini semalam.

Selain itu, Lak Seong menjelaskan, menerusi langkah tersebut, KIP REIT menjangkakan ia mampu menjimatkan kira-kira 16 peratus daripada kos bil elektriknya dalam masa sebulan.

“Ini seterusnya akan diterjemahkan kepada penjimatan kos perbelanjaan operasi, sekali gus mampu meningkatkan pendapatan hartanah bersih tahunan bagi KIP REIT.

“Langkah ini juga merupakan sebahagian daripada tanggungjawab kami dalam membantu meningkatkan penghasilan tenaga hijau dan bersih bagi mengawal masalah pemanasan global,” jelasnya.

Pemasangan sistem solar PV tersebut akan bermula pada Mei ini dan dijangka siap dalam tempoh empat hingga lima bulan.

KIP REIT merupakan sebuah syarikat yang disenaraikan di papan utama Bursa Malaysia dengan aktiviti terasnya merupakan pelaburan dalam portfolio hartanah runcit.

Tag Berkaitan

Ekonomi, Perniagaan dan Kewangan

Semasa

Artikel Berkaitan



KWAP catat pendapatan tertinggi dalam rekod



Mohd Najib Tun Razak

Following

Dana-dana ini selalu jadi sasaran politik jahat pembangkang, diguna untuk takutkan rakyat konon negara akan bankrap. Walhal, satu-satunya entiti yan jaja kata Malaysia akan bankrap cuma Pakatan Harapan saja, pakar ekonomi semua puji ekonomi kita di landasan tepat #BersamaBN !

Pakar puji ekonomi Malaysia di landasan tepat - Najib



Kompleks Pekan Rabu baharu mula operasi



Perak pastikan rumah kos rendah terus dibina - Zambrü



Kopsya yakin jadi bank koperasi



KAPB bakal ambil alih hospital swasta



TPM arahkan lima wilayah koridor banqunkan kawasan



PM umum bina 859 unit rumah PPAIM di Bukit Pinang, Pokok Sena

Popular

Israel halang jenazah Fadi pulang ke Gaza

Syamsul Debat dan anak bekas wakil rakyat, antara calon muka baharu BN di Negeri Sembilan

Gitaris Ekamatra mengaku bersalah sebabkan kematian warga emas

Penjawat awam perlu letak jawatan jika jadi calon